



Insiden Tembakan Lelasan. Notis awal

Butiran Insiden	Bahaya	Kaedah pengawalan / penyelesaian yang mungkin
Notis awal tentang insiden ledakan di mana fungsi picu keselamatan pada alat tembakan gagal beroperasi tetapi PPE yang sesuai nampaknya tidak digunakan.		Latihan sebelum kerja adalah perlu dalam pencegahan dan teknik untuk menangani bahaya tambahan semasa menggunakan peralatan bertekanan tinggi apabila berkaitan dengan capaian tali, menjangkau kaedah keselamatan piawaian untuk tembakan atas tanah. Lihat rujukan di bawah
	Juruteknik tertembak diri sendiri, suntikan lelasan, lecet yang teruk, kecederaan diri	Kakitangan mestilah terlatih dan cekap. PPE yang sesuai mestilah sedia ada dan dipakai serta dijaga supaya tidak mengganggu operasi peralatan akses tali. Jangan bergantung kepada keupayaan diri untuk mengekalkan keseimbangan; kaki hendaklah digunakan hanya untuk menstabilkan kedudukan. Untuk mengatasi tenaga reaktif, tali penambat tambahan perlu digunakan untuk menegangkan juruteknik di kedudukannya, selain daripada disokong dengan rembat secukupnya. Alat posisi jenis kerja ahli potong pulih pokok dengan tali berteraskan keluli mungkin membantu kedudukan badan. Picu keselamatan perlu diuji untuk memastikan ia berfungsi sebelum tembakan dimulakan & kakitangan pengganti hendaklah melaksanakan penutupan kecemasan dan ujian sebelum digunakan; Sistem pemulihan perlu disediakan.
	Terpotong tali sehingga menyebabkan jatuh, kecederaan serius/maut	Kakitangan perlulah dipasangkan dengan tali teras sokongan [kabel keluli], jauh dari muncung peledak, untuk mengelakkan kerosakan pada elemen tekstil sistem penggantung. Tali teras tersebut perlu mempunyai kekenduran minima dan dipasangkan pada tali keselamatan berasingan dan / atau kepada struktur tersebut. Penggunaan pelindung tali mungkin perlu bagi lain-lain penyambung. Kakitangan pengganti hendaklah melaksanakan penutupan kecemasan dan ujian sebelum digunakan. Sistem pemulihan perlu disediakan.
	Lelasan di dalam mata, bising yang melampau, kecederaan diri/hilang upaya	PPE yang sesuai hendaklah dipakai oleh kakitangan pengganti dan mereka yang berada di sekitar kawasan operasi.
Banyak contoh kemasukan terhad atau kerja yang hingar contohnya ledakan dan lain-lain	Kegagalan/kesukaran komunikasi	Isyarat tangan yang diatur terlebih dahulu digunakan kerana mikrofon tidak sesuai semasa ledakan. Untuk menghubungi peledak, tahap 3 akan menghentikan bekalan udara [teknik biasa tetapi berkesan] Kakitangan pemulihan mestilah berada di kedudukan yang ditetapkan pada setiap masa sewaktu kakitangan sedang bekerja.
Status / amaran pertukaran platform	Kakitangan tidak peka/isu komunikasi	Bagi amaran platform umum, kakitangan perlu mengosongkan tapak kerja dan pergi ke stesen pengumpulan. Bilik kawalan hendaklah dihubungi oleh petugas radio. Isyarat yang diatur terlebih dahulu hendaklah diatur dengan kakitangan yang bekerja di persekitaran yang hingar sebelum kerja bermula.

Rujukan:

Semburan Pelelas: Tataamalan 2004 Queensland, Australia. <http://www.deir.qld.gov.au/workplace/law/codes/abrasiveblast/index.htm>

Piawaian Pelatih Penembak/Latihan Pengecat OPITO: http://www.opito.com/library/industry_training_standards/blasterPainter_training_standard.pdf